

08 SEP 1997

Mahathir-Pengganti (Analisis Berita)
MAHATHIR DAN MENAMAKAN PENGGANTINYA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Dalam masa satu minggu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekurang-kurangnya tiga kali mendapati perlu mengulangi bahawa timbalan beliau Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menggantinya sekiranya beliau meletak jawatan.

Mengapa beliau harus berbuat demikian mengundang andaian, tetapi agak jelas bahawa pada pemikiran beliau, lagi banyak beliau mengulanginya, lagi banyak khabar angin diapungkan mengenai "masalah" antara beliau dan timbalannya.

Ini terjadi walaupun banyak kali kedua-duanya menafikan terdapat masalah antara mereka, terutamanya oleh Anwar yang sering melafazkan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada bosnya.

Dan semalam, di akhir perhimpunan agung Umno, Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, sekali lagi bercakap mengenai soal penggantinya.

Walaupun beliau telah membayangkan ini di tempat lain, inilah pertama kali beliau menyatakan sokongan terhadap Anwar sebagai bakal penggantinya di depan lebih dari 1,900 perwakilan dalam satu perhimpunan agung penuh.

Rujukan terbaru Dr Mahathir mengenai penggantinya ini dibuat ketika desas desus dalam pasaran saham minggu lepas bahawa Anwar akan meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Perdana Menteri itu lekas-lekas menafikan khabar angin itu, sehingga menyatakan bahawa mereka yang menyebarnya "patut ditembak".

Khabar angin itu muncul ketika satu taklimat oleh Dr Mahathir kepada editor media di mana beliau mengumumkan beberapa langkah untuk membenteng pasaran saham yang ditekan oleh penjualan singkat oleh pengurus dana asing.

Ia juga tidak dibantu oleh laporan berita bahawa yang sebenarnya Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin dan bukan Anwar, yang menemui para pengurus dana asing untuk perbincangan dari hati ke hati, satu pertemuan yang menjadikan pasaran pulih pada hari Jumaat.

Tetapi, menurut ketua pasukan pemikir (think-tank) Malaysia, Abdul Razak Abdullah Baginda, apa yang dilakukan oleh Dr Mahathir ialah sebagai mempertahankan Anwar, dalam suasana krisis mata wang dan pasaran saham dan juga surat layang mendakwa skandal sex terhadap Anwar.

"Apa yang Dr Mahathir lakukan ialah memberi jaminan khususnya kepada pelabur asing bahawa tidak ada perubahan pada peringkat atas kepimpinan dan bahawa apabila sampai masa beliau melepas jawatannya peralihan kuasa akan berlaku secara aman," kata Abdul Razak, pengarah eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia.

Katanya jaminan sedemikian adalah perlu kerana terdapat desas desus mengenai "perbezaan pendapat" antara Dr Mahathir dan Anwar, termasuk mengenai cara-cara untuk menangani masalah ekonomi negara, akibat serangan ke atas ringgit oleh manipulator asing.

"Saya fikir Dr Mahathir telah memberi mesej yang padu bahawa semuanya baik antara beliau dan Anwar dan saya yakin ini akan membantu memulihkan ringgit dan pasaran saham," katanya.

Tetapi Prof Dr Syed Hussein Alatas dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkata inilah pertama kali dalam sejarah Malaysia soal pengganti diperkatakan dengan luasnya.

Katanya: "Sebenarnya, bagi saya, ia bukan satu isu. Sesiapa yang menjadi timbalan presiden Umno pada waktu perdana menteri meletak jawatan, akan dilantik sebagai perdana menteri."

"Mungkin sebab itulah tiga perdana menteri yang lepas tidak hirau untuk

bercakap mengenai perkara ini sebagaimana yang berlaku sekarang, tetapi peralihan kuasa berlaku secara aman juga di masa mereka", kata Dr Syed Hussein.

Kata beliau, baginya, perkara yang paling penting pada isu pengganti ini ialah "keadaan" dalam mana Dr Mahathir sering mengulangi beliau mahu untuk menyerah kuasa kepada penggantinya.

"Malahan semalam pun, beliau sekali lagi berkata bahawa beliau akan menyerahkan parti dalam keadaan terbaik kepada penggantinya," kata Dr Syed Hussien.

Memetik kata-kata Dr Mahathir: " Saya tidak mahu lihat parti berpecah kepada puak-puak atau setengah dalam pasukan presiden dan yang setengah lagi dalam pasukan timbalan presiden. Saya tidak mahu pengganti saya hanya mendapat setengah dari Umno hanya kerana dia tidak boleh mendapat sokongan penuh dari anggota-anggota".

Dr Syed Syed Hussein berkata dari sejarah silam Umno yang mana para pemimpin mempunyai team atau kem masing-masing, ini adalah satu lagi mesej keras dari Dr Mahathir kepada Anwar dan juga merekag yang berhasrat menjadi pemimpin.

Kehendak Dr Mahathir bahawa adalah penting penggantinya diterima oleh para pemimpin Umno selari dengan anggapannya bahawa kedudukannya sebagai presiden Umno adalah lebih penting dari menjadi perdana menteri.

Beliau menekankan perkara ini pada satu temubual dengan majalah Asiaweek baru-baru ini.

Beliau ditanya: " Bagaimana anda lihat peranan anda sebagai ketua Umno. Ada yang mengatakan ia lebih penting dari menjadi perdana menteri."

"Ya, saya bergantung kepada parti saya. Kerana tanpa parti, saya tidak ada apa-apa. Dan saya juga menganggap ucapan saya setiap tahun kepada Umno sebagai ucapan yang penting sekali yang saya beri, kerana ia menentukan rentak parti," jawab Dr Mahathir.

Tetapi Abdul Razak dan Dr Syed Hussein bersetuju bahawa soalan paling besar mengenai isu pengganti ini ialah bila Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya.

Perdana Menteri sendiri telah ditanya soalan ini banyak kali, di dalam dan luar negara, dan terbaru sekali ialah semasa ditemuramah oleh CNN Selasa lepas.

Dan jawapannya konsisten dengan pendapatnya mengenai kebanyakan isu-isu lain -- " Saya akan bersara apabila masanya tiba". -- BERNAMA

AU WAT